

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**SOALAN NO. 123**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang Kementerian akan ambil untuk menangani isu penyelenggaraan rumah PPR yang semakin teruk atas sebab usang dan kurang dana.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat Program Perumahan Rakyat (PPR) yang diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan ada juga yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi PPR yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri/ PBT, urusan penyelenggaraan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri/ PBT yang berkenaan. Manakala bagi PPR yang diuruskan oleh KPKT, ianya diselenggarakan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) melalui ejen pengurusan yang dilantik.
  
2. Walau bagaimanapun, menyedari kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan peruntukan bagi membaiki dan menaik taraf prasarana PPR, KPKT telah memperkenalkan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) yang bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri membaiki dan menaik taraf PPR termasuk rumah pangsa

yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Bagi tujuan ini, PPR boleh mengemukakan permohonan PPP melalui Kerajaan Negeri.

3. Program PPP ini mula dilaksanakan pada tahun 2011 dan skop pembaikan merangkumi semua aspek keselamatan seperti pembaikan dan penggantian lif, *handrail* dan susur tangga serta pendawaian elektrik sebagaimana berikut:

- a) Membaiki atau mengganti lif;
- b) Membaiki atau mengganti tangki air & sistem retikulasi;
- c) Membaiki atau mengganti paip sanitari;
- d) Membaiki atau mengganti bumbung;
- e) Membaiki atau mengganti tangga & susur tangan (*handrail*);
- f) Mengecat semula bangunan dan harta bersama (setiap 10 tahun);
- g) Pendawaian semula dan kerja elektrik;
- h) Membaiki atau mengganti kemudahan awam yang melibatkan harta bersama (*common property*);
- i) Mengganti atau membina pagar di sekeliling kawasan pemajuan;
- j) Pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan; dan
- k) Membaiki atau membina infrastruktur di dalam kawasan kediaman berstrata kos rendah termasuk *Anti Vandalisme Lift System* (AVAS)

4. KPKT berharap dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan melalui program PPP ini dapat meningkatkan tahap keselamatan penduduk dan seterusnya memberi impak kepada penduduk di PPR untuk menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.